

# SIARAN MEDIA

## Karnival Kerjaya PUO 2022

IPOH, 12 Oktober – Bagi menyediakan graduan yang holistik dan memenuhi keperluan industri, Politeknik Ungku Omar melalui Unit Kebolehpasaran dan Kerjaya (CISEC) telah mengadakan Karnival Kerjaya PUO 2022 dengan dihadiri bersama 20 industri dan agensi kerajaan.

PUO mengorak langkah untuk berganding bahu bersama industri dan badan kerajaan di seluruh negara untuk menyediakan ruang dan peluang bagi membantu dalam kebolehpasaran graduan dan komuniti seiring dengan kehendak semasa industri. Menyedari bahawa negara kini berada di era Revolusi Perindustrian 4.0, graduan perlu menghadapi gelombang transformasi sejajar keperluan industri 4.0 yang menitikberatkan penguasaan elemen 4C iaitu pemikiran kritikal dan penyelesaian masalah, komunikasi, kolaborasi dan kreatif.

Unit Kebolehpasaran dan Kerjaya PUO telah berusaha dalam meningkatkan kolaborasi strategik, dengan mengorak langkah bersama rakan industri dan agensi kerajaan berkaitan teknologi mencakupi bidang kurikulum, latihan, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran dan kebajikan masyarakat. Kerjasama kesemua sektor ini merupakan perubahan yang akan memacu pertumbuhan ekonomi negara.

Selaras dengan usaha meningkatkan kebolehpasaran graduan, kerjasama ini akan meningkatkan kerjasama ke satu tahap yang lebih tinggi di samping menyediakan platform dan pendedahan kepada pelajar mengenai peluang-peluang kerjaya yang dapat mereka peroleh di industri dan sektor awam selepas tamat pengajian.

Antara rakan-rakan industri yang terlibat dalam karnival kerjaya ini adalah Plexus Manufacturing Sdn Bhd, Kuala Lumpur Kepong Berhad, Home Product Center (M) Sdn Bhd, Kamaya Electric(M) Sdn Bhd, Murata Electronics (M) Sdn Bhd, Schlumberger, Intel Malaysia, Eadeco Sdn Bhd, Hovid Berhad, Jv Auto Lube Sdn Bhd, Dindings Tyson Sdn Bhd, Malayan Flour Mills Berhad, Panasonic Appliances Air Conditioning Malaysia Sdn Bhd, Crown Beverage Cans Malaysia Sdn Bhd, Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak, Vitrox Technologies Sdn Bhd, Total Ifm Sdn Bhd, Toyota Auto Body (M) Sdn Bhd, Af Maritim, RA Enterprise, PRIHODA Malaysia Sdn Bhd, S&A Bintang Sdn Bhd, RHB Asset Management Sdn Bhd, Infinite M&E Sdn Bhd dan PwC Malaysia.

Sempena Karnival Kerjaya PUO 2022 ini, turut diadakan Seminar Kerjaya bersama Perkeso Negeri Perak, Seminar *Upskilling Yourself* oleh *Perak Entrepreneur & Skills Development Centre (PESDC)*, Seminar *Your Way Forward After Diploma* oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP) dan Universiti Teknikal Malaysia (UTEM), Seminar *Investing* oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Sesi khas bersama UniKL dan Seminar oleh pihak AKPK.

**Politeknik Ungku Omar**  
**12 Oktober 2022**